

50 tan metrik sampah dikutip di Sungai Temiang

SEREMBAN – Sebanyak 50.9 tan metrik sampah telah dikutip di Sungai Temiang di sini dalam tempoh lapan bulan pertama tahun ini.

Pengerusi Jawatan-kuasa Bertindak Hal Ehwal Perlindungan, Sumber Manusia, Alam Sekitar dan Pengaduan Awam negeri, Datuk V. S Mogan (**gambar**) berkata, jumlah itu menunjukkan sikap masyarakat yang masih kurang prihatin dalam menjaga kebersihan sungai.

“Kerajaan melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sentiasa bertungkus lumus menjaga kebersihan sungai di negeri ini.

“Mudah untuk bercakap soal kebersihan tetapi amat sukar dipraktikkan kerana kegiatan membuang sampah ke dalam sungai masih berterusan dan sukar dibendung,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Program Gotong-Royong Perdana sempena sambutan Hari Sungai Sedunia Tahun 2012 di Rumah Pangsa Lobak dekat sini kelmarin.

Mogan berkata, pengurusan sungai yang baik hanya dapat dicapai dengan kerjasama masyarakat yang memainkan peranan menjaga kebersihan saliran.

Mengenai penganjuran Hari Sungai Sedunia, beliau memberitahu, aktiviti itu bertujuan mempromosi kepentingan sungai yang akan diwariskan kepada generasi akan datang.

“Perubahan mentaliti dan sikap semua pihak amat diperlukan bagi memastikan alam sekitar sentiasa dipelihara sekali gus menjamin kehidupan yang lebih sihat untuk jangka panjang,” katanya.

